

# PM minta rakyat utama kebersihan alam sekitar

BH - 09/07/2007

## Tabiat buruk jejas keindahan kawasan pelancongan perlu dikikis

Oleh Fazli Abdullah

**G**EORGETOWN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat meninggalkan sikap dan tabiat buruk tidak mementingkan kebersihan dengan menjadikan penjagaan alam sekitar sebagai keutamaan dalam kehidupan mereka.

Perdana Menteri menegaskan, penjagaan alam sekitar tidak boleh diserahkan kepada pihak tertentu saja, sebaliknya semua pihak perlu turut mengambil bahagian bagi mewujudkan persekitaran yang bersih, indah serta selamat.

Berucap melancarkan Kempen Kesedaran Alam Sekitar 2007, di sini, semalam, beliau menyampaikan mesej yang jelas supaya semua rakyat bertanggungjawab terhadap penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Sambil menegaskan kerajaan akan melakukan apa saja yang terbaik untuk memastikan alam sekitar berada dalam keadaan baik, beliau juga mahu rakyat turut memikul tanggungjawab itu.

"Rakyat mesti menjadikan usaha menjaga dan memulihara alam se-

kitar sebagai tanggungjawab mereka dan satu perkara yang penting.

"Kerajaan harap kempen ini mendapat sokongan semua bagi memastikan negara ini menjadi sebuah negara yang maju dan indah dengan semua rakyat ceria dan berjaya," katanya.

Kempen Kesedaran Alam Sekitar 2007 bertemakan 'Tabiat Tak Pa, Bumi Binasa. Alam Sekitar Tanggungjawab Anda', dianjurkan Kementeri-

**“Semuanya dicampak ke sungai... daripada bangkai binatang hinggalah mayat manusia pun ada. Ia semua menjijikkan sehingga menjadi longkang sampah”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

rian Sumber Asli dan Alam Sekitar, di tapak Karnival Jom Heboh di Queensbay, Sungai Nibong, di sini, semalam.

Hadir sama, Datin Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid dan pegawai kanan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, tabiat buruk rakyat membuang sampah di merata tempat, termasuk ke dalam sungai, pantai dan longkang tidak mendatangkan sebarang faedah.

Sebaliknya, katanya, ia akan merugikan kerana boleh menjejaskan negara dan mereka sendiri, selain boleh menimbulkan masalah lain termasuk wabak penyakit.

"Contohnya, sebelum ini ada cadangan pengusaha hotel yang mahu membina kemudahan di kawasan pantai Pasir Gemuruh, Gertak Sanggul, Teluk Kumbar tetapi tidak jadi kerana keadaan di kawasan itu kotor," katanya.

Dalam ucapannya, Abdullah mengambil contoh pencemaran di Pulau Pinang yang jika tidak diambil tindakan segera boleh menjejaskan imej negeri itu sebagai destinasi pelan-

congan terkenal.

Katanya, apa yang berlaku ialah pencemaran yang serius sehingga mewujudkan keadaan sungai mati, selain dipenuhi sampah sarap termasuk bangkai haiwan.

"Semuanya dicampak ke sungai... daripada bangkai binatang hinggalah mayat manusia pun ada. Ini semua menjijikkan sehingga menjadi longkang sampah," katanya sambil menambah jika tiada tindakan diambil, ia akan menjejaskan imej negeri ini di kalangan pelancong asing.

Perdana Menteri juga meminta rakyat memboikot peniaga, pemaju perumahan dan kompleks perniagaan yang mengabaikan aspek kebersihan sebagai satu pengajaran.

Katanya, sikap pihak berkenaan yang tidak menjaga kebersihan dan alam sekitar akan menjejaskan rakyat, sama ada sebagai pembeli rumah atau pelanggan gerai dan pusat beli-belah.

"Rakyat ada pilihan dan ini boleh ajar pekedai. Jika rakyat mahu kebersihan, sesuatu yang elok dan indah, maka akan berlaku kesedaran dan perubahan," katanya. //